

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BANTUAN BENCANA

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan bencana yang dibayar oleh Pejabat Daerah?
 - b) Nyatakan statistik bencana mengikut pecahan DUN.

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan kepada mangsa bencana melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor dan akan meneruskan bantuan berdasarkan kadar sedia ada yang telah dikemaskini sehingga 31 Ogos 2017. Kadar bantuan adalah seperti jadual di bawah :-

Bil	Perkara	Kadar Maksimum
1.	Mangsa banjir a) Banjir yang melibatkan pemindahan mangsa; b) Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	RM 500.00 RM 250.00 (kadar maksimum setahun)
2.	Mangsa kebakaran a) Musnah keseluruhan b) Musnah sebahagian	RM 500.00 RM 250.00
3.	Mangsa tanah runtuh dan ribut	RM 500.00
4.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	RM 1,000.00

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana buat masa ini telah menceraap statistik mengikut kawasan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD). Statistik bencana pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Daerah Bencana	Petaling	Gombak	Klang	Hulu Langat	Sepang	Kuala Langat	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Sabak Bernam
Banjir	-	1	5	6	-	2	-	14	2
Banjir Kilat	36	32	39	36	29	12	15	19	-
Ribut	18	15	6	8	26	3	25	12	4
Kebakaran	10	14	18	14	4	11	6	5	5
Kebakaran Sampah Haram	9	4	9	3	10	1	-	1	1
Kebakaran Hutan	1	-	9	-	1	5	-	-	-
Tanah Runtuh	-	10	-	-	3	-	2	-	-
Jumlah Keseluruhan	74	76	86	67	73	34	48	51	12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR - MASALAH MONYET DAN ANJING BANYAK KALI
DIBANGKITKAN TETAPI TIADA TINDAKAN BERKESAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sejauh manakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah haiwan liar yang mengganggu gugat serta merosakkan harta benda penduduk seperti anjing dan monyet?.
 - b) Apakah statistik penangkapan haiwan-haiwan liar mengikut DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigasi bagi mengatasi masalah haiwan liar yang mengganggu gugat kesejahteraan orang awam. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukan sebanyak RM100,000.00 pada tahun ini dalam usaha pemantapan pengurusan konflik hidupan liar oleh Jabatan PERHILITAN. Pelbagai inisiatif serta kaedah pengurusan konflik hidupan liar telah dipraktikkan dan dilaksanakan dimana ia merupakan salah satu kaedah pengurusan in-situ hidupan liar serampang dua mata yang berkesan di mana ianya bukan sahaja dapat mengurangkan konflik hidupan liar-manusia bahkan dalam menjamin kelestarian hidupan liar tersebut.

Antara inisiatif yang dijalankan adalah melalui pemurnian pelan strategik pengurusan hidupan liar manusia-kera antaranya melalui kajian-kajian yang dijalankan pada setiap tahun dimana keperluan tersebut adalah untuk mendapatkan status terkini populasi kera di Semenanjung Malaysia sejak dari tahun 2013. Maklumat terkini berkaitan taburan serta anggaran populasi kera bagi tujuan penyelarasan tindakan yang perlu diambil oleh pihak jabatan dan pengelasan lokasi konflik kera bermasalah.

Melalui pelan strategik tersebut, Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai langkah mitigasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti pemantauan, pelupusan populasi secara terancang, tembak-halau dan tangkap-pindah. Tindakan penakaian (*culling*) ini adalah merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini adalah digunapakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik seperti kera dimana spesies ini menyumbang kepada aduan gangguan yang tertinggi di Negeri Selangor yang menjadi penyumbang kepada

jumlah tertinggi di Semenanjung Malaysia. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadi ancaman kepada keselamatan orang awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak Jabatan mengambil kira pelbagai faktor keselamatan dan keperluan orang ramai yang pelbagai. Oleh itu, segala tindakan yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN adalah secara berhemat dan berhati-hati agar kesejahteraan orang ramai terjamin di samping menjaga kelestarian hidupan liar di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan jangka panjang pendekatan lebih proaktif serta kerjasama daripada semua pihak adalah diperlukan memandangkan ianya merupakan spesies yang mempunyai kemandirian yang tinggi, mudah membiak serta tinggal berdekatan dengan penempatan manusia bukan sahaja di kawasan-kawasan kampung malah hidup di bandar-bandar besar yang mengancam keselamatan orang ramai. Seiring dengan kerancakan arus pembangunan yang kian pesat ini, pelbagai pihak perlu memainkan peranan yang penting serta saling bekerjasama dalam menangani isu kacau ganggu ini bagi memastikan kelestarian hidupan liar serta kesejahteraan orang ramai.

- b) Peningkatan jumlah penangkapan seluruh Negeri Selangor seiring dengan peningkatan bilangan aduan yang diterima di negeri ini. Berdasarkan kepada rekod Jabatan PERHILITAN, gangguan kumpulan primat terutamanya kera (*macaca fascicularis*) merupakan masalah kacau ganggu utama di Negeri Selangor dan di negeri-negeri yang pesat membangun. Kebolehan adaptasi yang tinggi menyebabkan hidupan liar ini mampu hidup dalam kelompok masyarakat manusia walaupun mempunyai sumber makanan yang terhad dan ini selalu menjadi punca kepada kerosakan harta benda orang awam di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi. Kepesatan pembangunan mendorong kepada peningkatan jumlah tangkapan iaitu peningkatan sebanyak lapan (8) peratus pada tahun 2016 berjumlah 10,301 ekor kepada 11,210 ekor pada tahun 2017.

Berikut merupakan jumlah tangkapan bagi Kera di seluruh Negeri Selangor mengikut Pecahan Daerah:

Daerah	2018	2017
Gombak	437	460
Hulu Langat	1905	905
Hulu Selangor	856	1198
Klang	1077	1200
Kuala Langat	340	427
Kuala Selangor	1999	2603

Daerah	2018	2017
Petaling	644	721
Sabak Bernam	1852	2886
Sepang	1545	482
Ampang	216	177
Kajang	840	151
Jumlah Tangkapan Hidupan Liar	11711	11210

*Sehingga September 2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH-RUMAH KOSONG DAN TERBENGKALAI

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap rumah-rumah kosong yang terbiar dan terbengkalai sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dan sarang penagih dadah?

JAWAPAN:

- a) Bilangan rumah terbiar yang dilaporkan oleh PBT adalah sebanyak 4907 buah. Berikut adalah perincian jumlah rumah terbiar mengikut PBT masing-masing.

Jadual 1: Jumlah bilangan rumah terbiar yang dilaporkan mengikut PBT

PBT	JUMLAH BILANGAN RUMAH TERBIAR YANG DILAPORKAN
MBSA	1995
MBPJ	178
MPK	114
MPAJ	360
MPSJ	568
MPS	190
MPKj	119
MPSp	152
MDKL	988
MDHS	63
MDKS	150
MDSB	30

PBT	JUMLAH BILANGAN RUMAH TERBIAR YANG DILAPORKAN
JUMLAH	4907

Nota: Sumber data daripada PBT

Kerajaan Negeri melalui PBT menjalankan penguatkuasaan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan dikeluarkan kepada pemilik/ pemunya untuk membersihkan kawasan mereka. Sekiranya ingkar notis, kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan oleh PBT dan segala kos yang terlibat akan dituntut daripada pemilik. Bagi pendekatan jangka pendek, PBT menjadikan amalan kerja membersihkan rumput dan semak samun di rumah-rumah kosong yang terbiar dan terbengkalai sebanyak dua (2) kali dalam tempoh setahun bagi mengelakkan kacaugangu di kawasan perumahan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN KERAJAAN DI KAMPUNG TELOK GONG

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina klinik kesihatan kerajaan di Kampung Telok Gong?

JAWAPAN:

a) Setakat ini belum ada cadangan bagi pembinaan klinik kesihatan di Kampung Telok Gong atas justifikasi berikut :

- i. Di kampung Telok Gong terdapat 1 buah klinik desa yang telah beroperasi pada tahun 1965 dengan kedatangan sebulan antara 1500 hingga 1800 orang.
- ii. Jarak klinik desa ke Kampung Telok Gong lebih kurang 1.7 km dengan jumlah penduduk kampung Telok Gong adalah 13079.
- iii. Terdapat 2 klinik kesihatan yang berhampiran dengan kawasan Telok Gong yang jaraknya kurang dari 10 km iaitu KK Pandamaran dan KK Pelabuhan Klang. Kemudahan sistem jalanraya yang amat baik di sekitar Telok Gong untuk penduduk di kawasan Teluk Gong mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Terdapat perkhidmatan klinik pakar di klinik Kesihatan Pandamaran dan Program khas untuk warga emas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH IBADAT

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan semua rumah ibadat di kawasan DUN Pelabuhan Klang.
 - b) Adakah status tanah rumah ibadat tersebut hakmilik sendiri atau kerajaan?
 - c) Adakah rumah-rumah ibadat ini mempunyai kelulusan tanah yang sah?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Berdasarkan inventori yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK), terdapat sebanyak 56 buah rumah ibadat selain Islam di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang dengan pecahan sebanyak 38 buah tokong dan 18 buah kuil. Butiran terperinci adalah seperti di **Lampiran 1**.

Manakala bagi rumah ibadat Islam (Masjid & Surau), berdasarkan inventori Jabatan Agama Islam Selangor, terdapat 7 buah masjid dan 25 buah surau di bawah kawasan DUN Pelabuhan Klang seperti di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1

Rumah Ibadat Selain Islam di dalam Kawasan DUN Pelabuhan Klang

BIL	NAMA PERSATUAN	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO. WARTA (JIKA ADA)
1.	Sri Dewi Mariamman	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
2.	Sri Maha Kaliamman Alayyam	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
3.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
4.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
5.	Maha Mariamman	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
6.	Sri Muniswaran	Pelabuhan Klang	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
7.	Sri Muniandi	Taman Kem	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
8.	Tiada Maklumat	Taman Kem	Kuil	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
9.	Tiada Maklumat	Taman Kem	Kuil	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
10.	Sri Muniswaran Alayam	Jalan Banting, Pandam	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
11.	Tiada Maklumat	Jalan Banting, Pandam	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
12.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
13.	Sri Subramaniar	Perdamar Indah	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
14.	Tiada Maklumat	Perdamar Indah	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
15.	Sri Maha Kaliambal	Highway Kesas	Kuil	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
16.	Kuil Sri Aathiparasakthi	Blackwater Estate	Kuil	Pertanian	Tiada Maklumat
17.	Kuil Mariayaman	Blackwater Estate	Kuil	Tiada	Tiada

BIL	NAMA PERSATUAN	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO. WARTA (JIKA ADA)
				Maklumat	Maklumat
18.	Kuil Om Sri Attoram Kaliaman Alayam	Kg Pendamar	Kuil	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
19.	Wong Low Sin See Temple	Telok Gong	Tokong	Pertanian	Tiada Maklumat
20.	Persatuan Penganut Dewa Pa Sien Meow	Telok Gong	Tokong	Pertanian	Tiada Maklumat
21.	Tokong Hock Leng Kiong	Telok Gong	Tokong	Pertanian	Tiada Maklumat
22.	Nam Suah Temple	Telok Gong	Tokong	Pertanian	Tiada Maklumat
23.	Pusat Mazu Enlightenment	Pulau Indah/ Star C	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
24.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
25.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
26.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
27.	Tiada Maklumat	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
28.	Hock Seng Foo	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
29.	Ban Leng Kong	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
30.	Tai Seong Kong	Pelabuhan Klang	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
31.	Dewa Kwan See Liew	Jalan Young, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
32.	Dewa Kwang Poh	Jalan Young, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
33.	Dewa Lan Suah	Kg. Bukit Kerayong	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
34.	Tiada Maklumat	Taman Kem	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
35.	Tiada Maklumat	Taman Kem	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
36.	Khong Hock Kong	Jalan Banting,	Tokong	Bangunan	Tiada

BIL	NAMA PERSATUAN	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO. WARTA (JIKA ADA)
		Pandamaran		Kediaman	Maklumat
37.	Kuan Hup Keong	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Industri	Tiada Maklumat
38.	Chi Khu Miao	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
39.	Tiada Maklumat	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
40.	Dewa Ching Lim Shi	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
41.	Tiada Maklumat	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Industri	Tiada Maklumat
42.	Dewa Wei Lang Tuah	Jalan Banting, Pandamaran	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
43.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
44.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
45.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
46.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
47.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan 3	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
48.	Tiada Maklumat	Jalan Selat Selatan 1	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
49.	Tiada Maklumat	Perdamar Indah	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
50.	Tiada Maklumat	Jalan Ke Telok Gong	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
51.	Tiada Maklumat	Taman Permai	Tokong	Bangunan Kediaman	Tiada Maklumat
52.	Tiada Maklumat	Taman Teluk Gedung I	Tokong	Rezab Kerajaan	Tiada Maklumat
53.	Tiada Maklumat	Blackwater Estate	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
54.	Tiada Maklumat	Kg Pendamar	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
55.	Tiada Maklumat	Kg Pendamar	Tokong	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat

BIL	NAMA PERSATUAN	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO. WARTA (JIKA ADA)
56.	Tiada Maklumat	Taman Pendamar Indah 2	Tokong	Bangunan	Tiada Maklumat

Nota : Senarai adalah berdasarkan kepada Bancian Rumah Ibadat Bukan Islam, Jun 2008.

LAMPIRAN 2

Rumah Ibadat Selain Islam (Masjid / Surau) di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang

BIL	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO WARTA (JIKA ADA)
1.	Masjid Ar Raudah, Kampung Sungai Kembong, Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang	Masjid Ar Raudah, Kampung Sungai Kembong	Telah Mohon Pewartaan Pada 14 Ogos 2002	Lot 4828 Keluasan 3.00 Ekar
2.	Surau Hj. Mokhtar, Lot 5310, Jalan Sidang Adnan, Kg Sungai Kembong, 42920 Pelabuhan Klang.	Surau Hj. Mokhtar	Wakaf	Lot 5310
3.	Surau Hj. Mohamad, Lot 4724, Jalan Dato' Ahmad Razali, Kg Sungai Kembong, 42920 Pelabuhan Klang.	Surau Hj. Mohamad	Wakaf	Lot 4724
4.	Masjid Ar Rahman Sungai Pinang, Pulau Indah 42920 Pelabuhan Klang	Masjid Ar Rahman Sungai Pinang, Pulau Indah	Wakaf Telah Diwartakan	Lot 4983 Keluasan 2/20
5.	Surau As-Syakirin Lot Pt. 79504, Jln Samudera 10/4C, Laguna Park, Seksyen 10, Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang	Surau As-Syakirin	Tiada maklumat	Tiada maklumat
6.	Surau Al Mubarak, Lot 9959, Jln Sidang Md Sidin, Kampung Sungai Pinang, 42920 Pulau Indah	Surau Al Mubarak	Wakaf	Lot 5720 Keluasan 0.2 Ekar
7.	Surau Imam Hj Omar, Kampung Sg Pinang, 42920 Pulau Indah	Surau Imam Hj Omar	Belum diuruskan urusan wakaf, Tetapi Telah Dipersetujui oleh Keluarga	Lot 5695 Keluasan 0.2 Ekar
8.	Masjid Sultan Abdul Aziz, Kampung Perigi Nenas 42920 Pulau Indah	Masjid Sultan Abdul Aziz	Telah Mohon Pewartaan Pada 13 Nov 2007	Lot 5072 Keluasan 1.00 Ekar
9.	Surau Al-Mina, P.O Box 266 Westport, Pulau Indah, 42009, Pelabuhan Barat	Surau Al-Mina	Tiada maklumat	Tiada maklumat
10.	Surau Pangsapuri Samudera, Persiaran Masjid Sultan K/S, Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang	Surau Pangsapuri Samudera	Tiada maklumat	Tiada maklumat
11.	Surau Al Faizin, Perumahan Kastam Pulau Indah, 42920	Surau Al Faizin Perumahan Kastam	Tanah Kerajaan Belum Di Gazetkan	Lot 5233

BIL	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO WARTA (JIKA ADA)
	Pelabuhan Klang	Pulau Indah		
12.	Masjid Al Ubudiah Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang	Masjid Al Ubudiah Kampung Telok Gong	Telah Mohon Pewartaan Pada 14 Ogos 2002	Lot 15178 Keluasan 7.00 Ekar
13.	Surau Robingatul Ehsan No. 1, Jalan Perajurit, Kampung Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang	Surau Robingatul Ehsan	Tiada maklumat	Tiada maklumat
14.	Surau Al Ma'unah, Lot 15380, Kampung Baru Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang	Surau Al Ma'unah	Tiada maklumat	Tiada maklumat
15.	Masjid Al Islah Kampung Nelayan, Kampung Nelayan, Telok Gong, 42000, Pelabuhan Klang	Masjid Al Islah Telok Gong	Telah Diwarta	Tiada maklumat
16.	Masjid Al Falah, Kg Idaman 42000 Pelabuhan Klang	Masjid Al Falah, Kg Idaman	Telah Diwarta Pada 07 Dis 2000	Lot 56966 2.00 Ekar
17.	Surau Al Husna Pangsapuri Palma, Jalan Palma Raja 3/KS 6, Bdr Botanic, 41200 Klang	Surau Al Husna, Bandar Botanic	Tiada maklumat	Tiada maklumat
18.	Surau As-Solehin, Apartment Casuarina, Bandar Botanic, 42000 Klang.	Surau As- Solehin, Apartment Casuarina	Tiada maklumat	Tiada maklumat
19.	Surau Al Insyirah, Jalan Batu Nilam 35, Bandar Bukit Tinggi 2, 41200 Klang	Surau Al Insyirah Jalan Batu Nilam 35	Tiada maklumat	Tiada maklumat
20.	Surau Sabilul Huda, Taman Pendamar Indah, 42000 Pelabuhan Klang	Surau Sabilul Huda	Tiada maklumat	Tiada maklumat
21.	Surau As Syuhada', Lot 11298 Jalan Selat Selatan 17, Taman Suria Pendamar, 42000 Pelabuhan Klang	Surau As Syuhada'	Tiada maklumat	Tiada maklumat
22.	Surau As Sajidin, Taman Selat Damai, Lorong Selat Selatan 10, Taman Selat Damai, 42000 Pelabuhan Klang	Surau As Sajidin , Taman Selat Damai	Tiada maklumat	Tiada maklumat
23.	Surau Ar Raudhah, Apartment Akasia , Bandar Botanic, 42000 Klang	Surau Ar Raudhah Apartment Akasia	Tiada maklumat	Tiada maklumat
24.	Masjid Kampung Pendamar, Lot 3120, Batu 3 ½ , Kampung Pendamar, 41200, Klang	Masjid Kampung Pendamar	Telah Mohon Pewartaan Pada 13 Nov 2007	Lot 64073 Keluasan 9.50 Ekar
25.	Surau An-Nubuwwah, Jalan Sg. Sama Gagah 20, Tmn.	Surau An-Nubuwwah	Tanah Kerajaan Wakaf	Tiada maklumat

BIL	LOKASI	JENIS RUMAH IBADAT	STATUS TANAH	KELULUSAN NO WARTA (JIKA ADA)
	Teluk Gadung Indah, 42000 Pelabuhan Klang			
26.	Surau Al-Kautsar, Jalan Sg. Sama Gagah 18, Taman Telok Gedung Indah, 42000, Pelabuhan Klang	Surau Al-Kautsar	Tanah Kerajaan Wakaf	Tiada maklumat
27.	Surau Al-Ehsan, Jalan Permai 5, Taman Kota Pendamar, 42000 Pelabuhan Klang	Surau Al-Ehsan	Tiada maklumat	Tiada maklumat
28.	Surau Al-Insyirah, Lebu Damar Merah, Taman Pendamar Indah 2, 42000 Klang	Surau Al-Insyirah	Tanah Kerajaan Wakaf	Tiada maklumat
29.	Surau Pangsapuri Pendamar (B) Jalan Pendamar, 42000 Pelabuhan Klang	Surau Pangsapuri Pendamar (B)	Tiada maklumat	Tiada maklumat
30.	Surau Nur Sakinah, Bandar Parklands, Persiaran Delima 2, Bandar Parklands, 41200 Klang	Surau Nur Sakinah, Bandar Parklands	Tiada maklumat	Tiada maklumat
31.	Surau An-Nur Kota Bayuemas No 1, Jalan Bayu Impian 5/Ks9, Kota Bayuemas, 41200 Klang	Surau An-Nur Kota Bayuemas	Tiada maklumat	Tiada maklumat
32.	Surau Ar Raudhah, Blok 1, Pangsapuri Arista, Persiaran Delima 1, KS09, Bandar Parkland, 41200 Klang	Surau Ar Raudhah, Arista	Tiada maklumat	Tiada maklumat

Nota : Sumber daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan berapa peruntukan yang telah digunakan untuk infrastruktur sukan di Selangor pada tahun 2013-2018?
 - b) Apakah tindakan yang Kerajaan akan mengambil untuk memupuk aktiviti sukan supaya rakyat Selangor mengamal kehidupan yang sihat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak menurunkan sebarang peruntukkan infrastruktur sukan kepada pihak Majlis Sukan Negeri Selangor pada tahun 2013 hingga 2015. Manakala pada tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut :-

**PROJEK MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR
SUKAN 2016 DI BAWAH MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)**

Bil	Perkara/Sukan	Tempat	Peruntukan
1.	Gimnastik Artistik	Pusat Sukan SUKSES, Seksyen 6, Shah Alam	1,500,000.00
2.	Gimrama		100,000.00
3.	Dewan Tempur		100,000.00
4.	Lawan Pedang	Stadium Shah Alam, Seksyen 13, Shah Alam	100,000.00
5.	Memanah		150,000.00
6.	Boling Padang	Kompleks Sukan Boling Padang, Seksyen 13, Shah Alam	1,300,000.00
Jumlah Keseluruhan			3,250,000.00

**PROJEK MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN
2017 DI BAWAH MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)**

BIL	PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Bangunan Stadium Mini dan Trek Larian Seksyen 13, Shah Alam.	RM 1,879,896.54

**PROJEK MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN
2018 DI BAWAH MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)**

BIL	PROJEK	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)
1.	Membaikpulih Kemudahan Dewan Gimnastik di Sek Yoke Kuan Sekinchan	1,000,000.00

Untuk makluman juga, kebanyakan infrastruktur sukan adalah bukan milik pihak Majlis. Ianya adalah milik atau diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Darul Ehsan Facility Management (DEFM) dan juga persendirian.

- b) Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberikan sokongan penuh kepada semua agensi-agensi kerajaan, swasta mahupun badan-badan NGO dalam menganjurkan sebarang aktiviti sukan. Disamping itu juga, dalam memastikan budaya bersukan sentiasa berpanjangan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa menganjurkan pelbagai aktiviti sukan untuk semua golongan seperti Pesta Sukan Gen-S, *cybergames*, Sukan Selangor (SUKSES), Karnival Sukan Pusat Latihan Daerah (PLMSD) dan lain-lain sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : DEWAN KOMUNITI

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah rancangan untuk menyelesaikan isu kekurangan Dewan Komuniti di kawasan Bandar Tasik Puteri, Bandar Country Homes dan Batu Arang?
 - b) Terdapat banyak dewan bawah pengurusan PBT menghadapi masalah uzur dan kerosakan, apakah tindakan Kerajaan untuk masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah membuat perancangan untuk membina dewan di Bandar Tasik Puteri dan permohonan tanah bagi tujuan tersebut sedang dilaksanakan. Pihak MPS juga akan mengemukakan permohonan peruntukan untuk menampung kos pembinaan kepada Kerajaan Negeri.
- b) PBT sentiasa memantau keadaan fizikal dewan yang terletak di bawah pengurusannya dan melaksanakan penyelenggaraan berkala mengikut keperluan dan keutamaan. Selain itu, PBT juga menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dewan secara berperingkat dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing selain peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENYELESAIAN ISU BANJIR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan spot banjir yang kerap berlaku di Negeri Selangor.
 - b) Nyatakan rancangan keseluruhan untuk penyelesaian isu banjir.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, sebanyak 328 kawasan banjir yang direkodkan dalam tempoh 3 tahun. Daerah yang mempunyai rekod kawasan hotspot banjir yang paling tinggi adalah daerah Klang sebanyak 89 kawasan, diikuti Daerah Hulu Langat sebanyak 67 kawasan, Daerah Petaling 46 kawasan, Daerah Sepang 27 kawasan, Daerah Gombak sebanyak 33 kawasan Daerah Kuala Selangor dan Hulu Selangor masing-masing 26 kawasan, Daerah Sabak Bernam sebanyak 23 kawasan dan daerah Kuala Langat sebanyak 17 kawasan. Senarai kawasan banjir bagi setiap daerah adalah seperti di Lampiran.
- b) Rancangan bagi penyelesaian keseluruhan isu banjir adalah dengan memastikan setiap pembangunan baru yang dicadangkan perlu disediakan kolam takungan (*detention pond*) bagi mengawal pertambahan air larian permukaan (*surface water runoff*) dan kadar kuantiti air sebelum dan selepas (*Q_{pre}* dan *Q_{post}*) pembangunan dapat dikawal kesan daripada pembukaan tanah. Pihak JPS mensyaratkan setiap pemaju agar menyediakan kolam takungan On Site Detention (OSD) yang berfungsi untuk mengawal, menakung sementara dan memperlahankan kadar aliran air yang memasuki sungai serta longkang berhampiran dengan kawasan pembangunan bagi mengelakkan limpahan air sungai yang menyebabkan berlakunya banjir. Manakala bagi kawasan yang telah dibangunkan, jabatan akan mencadangkan kerja-kerja menaiktaraf sungai yang dikenalpasti tidak dapat menampung air larian semasa. Selain itu, pihak jabatan juga akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan kerja pembuangan kelodak dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN TINGGI

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah inisiatif Kerajaan untuk membantu keluarga yang tidak mampu untuk membiayai anak untuk melanjutkan pelajaran di kolej atau universiti?
 - b) Nyatakan berapa permohonan HPIPT yang telah diluluskan sejak 2008 sehingga 2018?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil inisiatif membantu anak-anak Selangor dari keluarga yang berpendapatan RM5,000.00 ke bawah dengan memberi Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT) iaitu Hadiah RM1,000.00 untuk meringankan beban untuk tujuan kemasukan ke kolej dan universiti di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan.

Bantuan Sara Diri juga merupakan inisiatif yang dilaksanakan bermula tahun 2015 diberi khas kepada mahasiswa kelahiran Selangor yang melanjutkan pengajian sepenuh masa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Kemahiran INPENS. Bantuan kewangan ini diberikan secara *'one-off'* kepada keluarga berpendapatan RM5,000.00 ke bawah dengan bantuan sebanyak RM800.00 untuk 3 bulan pertama sahaja.

Selain itu, pembiayaan pendidikan kemahiran juga diberi kepada anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah yang menuntut di Kolej Antarabangsa INPENS yang merangkumi yuran pengajian dan asrama untuk mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kerajaan Negeri melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada anak Selangor dimana keutamaan diberikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Di antara program bantuan pendidikan di bawah TKWBNS adalah seperti berikut:

- i. Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor. Program ini merupakan bantuan pendidikan dalam bentuk pinjaman tanpa faedah dengan

jumlah peruntukan RM16.3 juta setahun untuk pengajian prasiswazah di universiti awam dan swasta dalam negara.

- ii. Program Khas Peduli Siswa pula merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri yang diperkenalkan pada tahun 2017 dalam bentuk pinjaman boleh ubah untuk Pelajar yang melanjutkan pengajian prasiswazah di universiti awam dalam Selangor iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putera Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).
 - iii. Peduli Siswa Timur Tengah yang merangkumi Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara dan Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar Selangor bagi pengajian peringkat pra-siswazah dan pasca-siswazah di Mesir, Jordan dan Maghribi.
 - iv. Program Khas Biasiswa Selangorku & Biasiswa Khas Sagong Tasi bagi anak Selangor daripada luar bandar dan Orang Asli untuk melanjutkan pengajian di Universiti Selangor (UNISEL), Kolej INPENS dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- b) Jumlah permohonan HPIPT yang telah diluluskan sejak 2008 hingga Oktober 2018 ialah seramai 68,066 orang.

Butiran jumlah calon yang berjaya seperti di jadual di bawah :

Tahun	Jumlah Diluluskan
2008	3,718
2009	5,659
2010	7,699
2011	7,167
2012	7,887
2013	7,226
2014	3,877
2015	7,938
2016	7,800
2017	5,797
2018	3,298

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : NAIK TARAF JALAN B27

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bilakah projek naik taraf missing link Jalan B27 akan bermula untuk menyelesaikan isu banjir dan trafik Jalan Batu Arang?
 - b) Berapakah kos yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk projek tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR Negeri Selangor telah mengangkat kertas cadangan projek ini untuk pertimbangan dan kelulusan pihak UPEN pada 1 Mac 2018. Skop kerja dan lukisan terperinci akan dimuktamadkan sebaik sahaja mendapat kelulusan dari pihak UPEN.
- b) Anggaran kos yang dimohon oleh pihak JKR Negeri Selangor adalah sebanyak RM65 juta. Kos sebenar adalah tertakluk kepada perakuan dan kelulusan pihak UPEN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTANIAN

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang diadakan untuk memupuk aktiviti industri pertanian di Selangor?
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk membawa teknologi baru ke industri pertanian supaya hasil pertanian dapat dijamin?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat mengambil perhatian berkenaan dengan program-program pertanian bagi meningkatkan bekalan makanan negeri dan meningkatkan pendapatan golongan tersebut. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan seperti :-
 - 1. Program Tanaman Fertigasi;
 - 2. Program Peningkatan Hasil Padi dan tanaman padi ke arah MyGAP;
 - 3. Penanaman pokok buah-buahan dan sayuran;
 - 4. Penternakan ruminan dan bukan ruminan;
 - 5. Peningkatan hasil nelayan;
 - 6. Projek akuakultur dan penternakan ikan sangkar; dan
 - 7. Program Peningkatan Pengeluaran Dan Kualiti Produk Industri Asas Tani (IAT).
- b) Penggunaan kawasan tanah untuk pertanian di Negeri Selangor amat terhad memandangkan berlakunya pertembungan dengan sektor pembinaan untuk tujuan perumahan dan komersial. Berdasarkan kepada faktor tersebut satu tindakan afirmatif dan kreatif telah mula dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran hasil sentiasa meningkat sebagai contoh mempromosi dan menggalakkan penanaman berkonsepkan fertigasi lengkap Sistem Perlindungan hujan (SPH), penternakan ayam secara bertingkat, penggunaan teknologi dan jentera moden bagi pengeluaran hasil seperti *transplanter* dan *drone* untuk tanaman padi, sistem kawalan baja dan haiwan perosak secara dalam talian, penggunaan baja-baja organik dan mikrob dan aplikasi pertanian persis atau *precision agriculture*.

Kesemua konsep tersebut adalah berpaksikan kepada *High Value Agriculture Product* (HVAP) yang lebih mementingkan pengeluaran hasil yang tinggi pada

nilai premium, amalan pertanian lestari dan dalam masa yang sama mengamalkan penggunaan teknologi dan jentera moden serta penggunaan keluasan tanah yang lebih kecil tetapi pengeluaran hasil yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : HAL EHWAL ISLAM

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa peruntukan yang telah diluluskan untuk baikpulih surau dan masjid di DUN Rawang?
 - b) Bilakah permohonan naik taraf Masjid Nurul Iman Rawang akan diluluskan?
 - c) Nyatakan maklumat permohonan naik taraf tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi tujuan baik pulih dan naik taraf masjid dan surau di DUN Rawang bagi tahun 2017 dan 2018 adalah berjumlah **RM1,478,031.48**. Peruntukan ini diluluskan berdasarkan keperluan semasa dengan mengutamakan kerosakan yang kritikal dan memberi kesan terhadap operasi masjid dan surau.
- b) Kerja-kerja baik pulih dan naik taraf yang melibatkan pembaikan bumbung, naik taraf ruang solat dan sistem bekalan elektrik telah dilaksanakan pada tahun 2016 dengan kos **RM135,000.00**. Pembaikan kecil yang melibatkan bumbung dan kubah juga telah dilaksanakan pada tahun 2018 dengan kos **RM19,000.00**. Pihak JAIS akan melaksanakan proses naik taraf berdasarkan keperluan tertakluk kepada kelulusan peruntukan.
- c) Permohonan pihak masjid adalah bagi baik pulih dan naik taraf yang melibatkan skop bumbung bangunan, tandas dan pendawaian elektrik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI RAWANG

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan Rawang mempunyai aduan pencemaran habuk dan pencemaran bau yang tinggi berpunca dari kawasan perindustrian, apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan pencemaran untuk memulihkan keselesaan kawasan kediaman?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah melaksanakan program penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan terhadap premis-premis yang mencemar di daerah Rawang. Berdasarkan rekod terdapat 131 buah premis di daerah Rawang yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan semua premis ini telah dilawat oleh JAS sepertimana program penguatkuasaan yang telah dirancang.

Daripada Januari sehingga Oktober 2018, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah merekodkan sebanyak tujuh (7) aduan berkenaan pencemaran habuk dan bau di dalam daerah Rawang. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan sebanyak tujuh (7) kompaun dan Notis Arahan telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik premis yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Manakala bagi industri yang tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang mengeluarkan lesen operasi kilang iaitu Pejabat Tanah Dan Daerah bagi pematuhan terhadap syarat nyata tanah dan Lembaga Urus Air Selangor mengenai pencemaran sumber air serta lain-lain Jabatan yang berkaitan bagi mengatasi isu pencemaran yang berlaku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : ISU PEMBAKARAN SAMPAH DAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu pembakaran terbuka dan pembuangan sampah haram?
- b) Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan isu pembakaran terbuka dan pembuangan sampah haram di kawasan Saujana Rawang.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan masalah dan isu pembakaran terbuka tidak berulang dengan melaksanakan pelbagai tindakan-tindakan seperti berikut:-
 - i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh JAS dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka;
 - ii. Menjalankan program pemantauan dan rondaan darat oleh JAS ke kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
 - iii. Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains dengan pelaksanaan "*water management system*" melalui pembinaan "checkdam" dan pembinaan telaga air tanah (*tubewell*) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan serta mempercepatkan kerja-kerja pemadaman dilakukan;
 - iv. Melibat dan meningkatkan kerjasama pelbagai agensi dan Jabatan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM, Pihak Berkuasa Tempatan dan RELA bagi membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam kerja-kerja

pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;

- v. Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
 - vi. Merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan
 - vii. Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.
- b) Bagi kawasan Saujana Rawang, dari Januari sehingga Oktober 2018 sebanyak lima (5) aduan berkenaan pembakaran terbuka telah diterima dan disiasat. Daripada siasatan yang dijalankan didapati pembakaran terbuka ditemui berlaku di tepi jalan dan juga di kawasan rizab sungai. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan rondaan secara berkala ke kawasan Saujana Rawang bagi mencegah aktiviti pembakaran terbuka dari terus berlaku. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga akan memaklumkan dengan segera kepada Pihak MPS supaya mengambil langkah-langkah pencegahan awal sekiranya menjumpai tapak pelupusan sampah haram.

Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan telah diminta supaya mewujudkan Unit Pemantauan Pembakaran Terbuka untuk memantau, mencari kaedah untuk menghalang dan mencegah kebakaran serta mengambil tindakan ke atas pihak yang melakukan pembakaran di kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka. Pejabat Daerah/ Tanah yang berkenaan juga diarahkan supaya menubuhkan *task force* bagi mengambil tindakan merampas tanah terbiar yang didapati melakukan pembakaran terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : ISU KESESAKAN JALAN DI KAWASAN GARING

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan di kawasan Garing yang disebabkan hanya mempunyai satu laluan keluar masuk untuk empat (4) sekolah dan ratusan rumah?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang terlibat merupakan Jalan Persekutuan FT3209. Pihak JKR Selangor telah mengemukakan permohonan untuk menaiktaraf jalan tersebut kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia seterusnya kepada Kementerian Kerja Raya pada 9 November 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PEMBINAAN DAN MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DAN
PERPARITAN OLEH PIHAK JKR, JPS DAN PBT**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menangani isu *Red Tape* dalam agensi-agensi kerajaan di peringkat Negeri terutamanya JKR, JPS dan PBT yang melibatkan masalah sistem saliran dan perparitan?
- b) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan kerja-kerja di antara agensi kerajaan seperti JPS, JKR dan MPK?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan membuat penyelarasan menyeluruh dalam pembahagian tugas serta menyelaraskan inventori berkaitan bidang kuasa dan infrastruktur seperti jalan, longkang dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pejabat Pembangunan Persekutuan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri Negeri Selangor serta turut akan melibatkan Kementerian Kewangan Malaysia dalam penyelarasan hal ehwal peruntukan agar tanggungjawab berkaitan infrastruktur dapat dilaksanakan segera serta menangani isu "Red Tape" dalam agensi-agensi Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri sedang meneliti penyeragaman kerja terutama dari segi skop penyelenggaraan jalan dan perparitan. Kerajaan Negeri sedang menyelaraskan cadangan penyelenggaraan jalan diberi tanggungjawab kepada dua agensi iaitu JKR dan PBT bagi memastikan keberkesanan dan penyampaian perkhidmatan penyelenggaraan dapat ditingkatkan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menyelaraskan semula parit dan saliran di bawah JPS, JKR dan PBT bagi menyelesaikan masalah pertindihan kawasan dan juga parit yang tidak diselenggara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : MASALAH JALAN BERLUBANG (POT-HOLE)

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap penampalan jalan berlubang dilakukan dengan kadar segera?
- b) Berapakah jumlah aduan kes berkenaan (Pot-Hole) yang diselesaikan oleh pihak MPK di DUN Sentosa?

JAWAPAN:

- a) JKR sentiasa komited bagi memastikan keadaan jalan berada dalam keadaan yang baik dan selamat kepada orang awam. Antara inisiatif yang diambil adalah
 - i. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri berkuatkuasa pada 27 Mac 2018. Melalui sistem tersebut, semua aduan termasuk aduan jalan berlubang (*pothole*) akan dikemukakan ke agensi-agensi yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Bagi aduan *pothole*, JKR Selangor melalui JKR Daerah akan memastikan aduan tersebut ditangani dalam tempoh 24 Jam dan kerja kerja baikpulihkan dilaksanakan oleh kontraktor konsesi yang dilantik untuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Ia selaras dengan Piagam Pelanggan JKR bagi menampal *pothole* dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima serta Akujanji Sifar *Pothole* yang telah ditandatangani oleh semua Jurutera Daerah JKR pada 17 Februari 2016.
 - ii. Sistem *Intelligent Response System* (IRS) telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program Smart Selangor membolehkan orang awam melaporkan kejadian *pothole* melalui aplikasi *Waze* dan tindakan diambil bagi menampal *pothole* di lokasi kejadian oleh agensi penyelenggaraan jalan.
- b) Jumlah kes aduan berkenaan (*Pot Hole*) di DUN Sentosa yang diselesaikan adalah sebanyak 83 aduan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH KILANG-KILANG DI DUN
SENTOSA**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan semua kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan MPK yang mempunyai aduan penduduk setempat.
 - b) Apakah tindakan penguatkuasaan oleh Kerajaan Negeri dan MPK terhadap kilang-kilang di Lot 10439 Jalan Sungai Jati yang melakukan pembakaran terbuka sehingga mencemarkan alam sekitar di DUN Sentosa?
 - c) Senaraikan tindakan yang telah diambil untuk menangani isu pembakaran terbuka oleh MPK di DUN Sentosa.

JAWAPAN:

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- a) Berikut merupakan senarai kilang-kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak Majlis:-

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT
1.	NAM LAI LI PLASTIC INDUSTRY SDN. BHD.	NO.22 JALAN SG. BATU 6/KU6.
2.	ASIAPAC POLYMERS TECHNOLOGY SDN. BHD.	LOT 87726 JALAN PERIGI NENAS 8/1 PULAU INDAH.
3.	CHEAH YOW KWONG	LOT 10437 JALAN SUNGAI JATI

- b) Tindakan yang telah diambil oleh pihak Majlis ke atas kilang di Lot 10439 Jalan Sungai Jati adalah seperti berikut:-
- i). Kilang termasuk dalam senarai pemutihan kilang tanpa kebenaran (no rujukan MPK/KTK/KS07/A/I/003). Tindakan akan diambil setelah dasar baru di bawah Program Smart Kilang Tanpa Kebenaran 2.0 dikuatkuasa oleh Kerajaan Negeri (Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor).
 - ii). Zon Perancangan mengikut Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 4) 2020 : Perindustrian.

- Syarat nyata tanah : Tiada.
- Pemilik tanah : Ng Soon Beng, Ng Yeow Chee, Tan Teck Sim (Pemegang Amanah), d/a No. 79, Jalan Watson, Port Klang, Selangor
- Pengusaha bangunan/tanah :
 - i. Ranama Resource Sdn Bhd
 - ii. Suramjes Resources (M) Sdn Bhd
 - iii. Kochi Autoparts Sdn Bhd
 - iv. Semesta Fitri Sdn Bhd
 - v. Quality Spraytile Sdn Bhd
 - vi. Sekar a/l Raidasamy
 - vii. Benalex Trading
 - viii. World Maintenance Engineering Sdn Bhd
 - ix. S.C. Rajandren Enterprise

iii). Notis peringatan telah dikeluarkan kepada pemilik tanah / pengusaha supaya mengemukakan permohonan kebenaran merancang dalam hal pemajuan tanpa kebenaran.

- c) Majlis Perbandaran Klang melalui Skwad Pantas sentiasa menjalankan pemantauan di kawasan pentadbiran Majlis bagi memastikan tiada pembakaran terbuka berlaku sehingga menjejaskan kualiti alam sekitar.

Skuad Pantas ini akan mengambil tindakan pemadaman terus ke atas mana-mana kebakaran terbuka yang berskala kecil yang berlaku. Manakala bagi kebakaran terbuka berskala besar, Skwad Pantas akan memohon bantuan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi operasi pemadaman.

Selain itu, tindakan kompaun juga boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 16 (1) Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Klang) 2007 ke atas mana-mana individu atau syarikat yang didapati menyebabkan pembakaran terbuka dengan kadar kompaun tidak melebihi satu ribu ringgit.

Sekiranya pembakaran terbuka ini berulang, pihak Majlis akan memaklumkan perkara tersebut kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

- a) Dalam tahun 2018, sehingga kini sebanyak lima (5) kilang yang telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor berdasarkan kepada aduan yang telah diterima. Jenis-jenis kilang yang telah diambil tindakan adalah kilang berasaskan getah, logam, *electroplating* dan plastik. Kilang-kilang ini

telah dikenakan tindakan undang-undang iaitu (dua) 2 kes diambil tindakan mahkamah, (satu) 1 kes kompaun, (lima) 5 notis arahan dan (dua) 2 telah ditahan kelengkapan kilang daripada beroperasi.

- b) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima aduan berkenaan pembakaran terbuka pada 13 September 2018 dan telah membuat siasatan pada hari yang sama. Hasil siasatan JAS mendapati lokasi aduan tersebut adalah kawasan tanah lapang dan api didapati telah padam sepenuhnya. Hanya terdapat kesan-kesan pembakaran terbuka di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun JAS Selangor telah mengeluarkan satu Notis kepada pemilik tanah supaya mengambil langkah-langkah bagi menghalang tanah beliau dicerobohi seterusnya bagi megalakkan kejadian pembakaran terbuka daripada berulang.
- c) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima sebanyak 13 aduan pembakaran terbuka bagi tempoh dari tahun 2009 hingga Oktober 2018 melibatkan DUN Sentosa. Antara tindakan yang dilaksanakan oleh JAS Selangor adalah seperti berikut :
 - (i) mengeluarkan Notis Larangan Pembakaran Terbuka dan kompaun kepada pelaku atau pemilik tanah;
 - (ii) memanjangkan hasil siasatan kepada agensi berkaitan seperti Majlis Perbandaran Klang (MPK), Pejabat Daerah/Tanah Klang, dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor bagi kes-kes pembakaran terbuka yang melibatkan tanah kerajaan/rizab jalan dan tapak sampah haram. Pihak-pihak berkenaan dikehendaki supaya melakukan pemantauan dan melaksanakan langkah-langkah untuk menghalang berlakunya pembakaran terbuka; dan
 - (iii) JAS Selangor turut menjalankan rondaan mencegah pembakaran terbuka secara harian dalam Daerah Klang terutamanya yang melibatkan kawasan yang sering terbakar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PENGLIBATAN PEMIMPIN POLITIK DALAM PERSATUAN SUKAN

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu pembabitan pemimpin politik dalam persatuan-persatuan sukan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Isu terhadap pembabitan pemimpin politik dalam persatuan-persatuan sukan di Negeri Selangor sememangnya wujud. Setiap persatuan sememangnya memerlukan individu yang berpengaruh dan mempunyai jaringan kuat di dalam semua aspek terutamanya dari sudut sumber kewangan.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor tiada menetapkan pendirian yang khusus berkaitan isu ini kerana pihak Kerajaan Negeri berpendapat ianya sangat subjektif. Dalam masa yang sama tiada satu dasar ketetapan atau peraturan yang menghalang individu dikalangan pemimpin politik untuk berada didalam organisasi sesebuah persatuan sukan.

Walaupun bagaimanapun Pihak Majlis telah memaklumkan kepada semua pegawai sukan dari pihak Persatuan Sukan di Negeri Selangor ini agar tidak menjadikan persatuan sebagai platform menyebarkan ideologi politik kerana persatuan sukan itu sendiri mempunyai misi dan objektif yang perlu dicapai. Selain itu, ianya juga adalah untuk memastikan keharmonian semua pihak dapat dijaga walaupun berlainan fahaman politik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN PASCA-SISWAZAH

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu anak-anak Selangor yang berminat untuk menyambung pengajian peringkat pasca-siswazah di institusi-institusi pengajian tempatan (IPT) khususnya pengajian di peringkat sarjana (*master*)?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) memfokuskan bantuan Pendidikan untuk peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Peruntukan tahunan yang diterima bagi Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor adalah berjumlah RM16.3 juta. Jumlah ini dapat menampung sekitar 1,500 pelajar tajaan baharu untuk pengajian peringkat prasiswazah di IPT dalam negara sahaja. Nisbah kuota yang ditawarkan ini adalah kecil berbanding dengan purata permohonan yang diterima iaitu sekitar 5,000 permohonan setahun. Oleh itu, adalah menjadi dasar semasa Kerajaan Negeri untuk memberi keutamaan bantuan Pendidikan kepada pelajar di peringkat prasiswazah. Walau bagaimanapun, TKWBNS bersedia untuk mewujudkan program bantuan pendidikan kepada pelajar pasca siswazah sekiranya Kerajaan Negeri memberikan peruntukan tambahan khas bagi tujuan tersebut.